

21 AUG 2002

LEAD ZETI-SEMAKAN/I

KDNK M'SIA 2002 AKAN DISEMAK DARI UNJURAN AWAL 3.5 PERATUS

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 3.5 peratus bagi tahun ini akan dikaji semula, berkat tahap perkembangan ekonomi yang lebih kukuh, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata hari ini.

Kajian semula itu akan diumumkan apabila Belanjawan 2003/2004 dibentangkan pada 20 September oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Prestasi pada 2002 akan lebih baik daripada ramalan 3.5 peratus yang dibuat di dalam laporan tahunan Bank Negara," beliau memberitahu persidangan akhbar di sini.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.8 peratus dalam suku kedua berbanding dengan 0.5 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu dan 1.1 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Dr Zeti menyatakan keyakinan beliau bahawa sekiranya terdapat pertumbuhan yang lebih rendah dalam faktor-faktor luaran, ekonomi masih boleh mencapai pertumbuhan 3.5 peratus.

Beliau memberi alasan bahawa sektor pembuatan, yang mempunyai sensitiviti yang tinggi kepada faktor-faktor luaran, dalam suku yang lalu telah bertahan terhadap kejutan luaran.

Sungguhpun terdapat tanggapan berbelah bahagi ke atas tinjauan masa depan pertumbuhan ekonomi AS, Dr Zeti berkata bahawa pertumbuhan didorong permintaan di dalam ekonomi tempatan akan menahan kesan sebarang kelembapan di dalam ekonomi Amerika.

Katanya terdapat petunjuk-petunjuk pertumbuhan ekonomi AS yang berbelah bahagi, yang positif dalam keuntungan korporat, gunatenaga dan perumahan tetapi negatif dalam indeks-indeks keyakinan pengguna, barangan tahan lama dan pesanan-pesanan pengeluaran.

Malahan sekiranya pertumbuhan ekonomi AS sederhana, ia masih terus pulih, tambah beliau.

Sungguhpun Malaysia tidak kebal kepada perkembangan global, prospek bagi pertumbuhan didorong permintaan dan peningkatan seterusnya dalam perdagangan antara rantau akan menyumbang kepada prospek pertumbuhan mapan dan meningkat dalam separuh kedua tahun ini.

Mengenai prestasi ringgit berikutan pengukuhan matawang-matawang utama berbanding dengannya, Dr Zeti berkata Malaysia telah memperkukuhkan tahap tolak-ansurnya bagi menyerap kemudah ruapan sambil regim kadar tukaran mempermudah perdagangan dan menghalang sebarang kegelinciran.

Dengan tersedianya mekanisme ini meningkatkan jumlah dagangan Malaysia, pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio, tambahnya.

-- BERNAMA

MFZ MKO MR SD OS